

Kawasan perairan Pulau Tenggol jadi taman negeri

Dungun: Kerajaan Terengganu akan mewartakan kawasan di sekitar perairan Pulau Tenggol sebagai taman negeri bagi memelihara serta memulihara spesies batu karang dan hidupan marin di kawasan berkenaan.

Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu Datuk Seri Tengku Farok Hussin Tengku Abd Jalil berkata kajian sedang dibuat bagi memperluas proses pewartaan dari bahagian daratan ke perairan Pulau Tenggol yang menjadi tumpuan penye-

lam skuba dari dalam dan luar negeri.

"Kita dah wartakan kawasan daratan Pulau Tenggol pada 2 Feb lalu tetapi saya fikir kita perlu buat kajian semula untuk mewartakan kawasan perairan bagi menjaga batu karang dan hidupan marin di sini.

"Ada 19 lokasi terumbu karang yang sangat cantik di Pulau Tenggol dan ia perlu dipelihara daripada sebarang aktiviti yang merosakkan kerana ada segelintir penyelam skuba yang datang tidak begitu beretika," katanya

pada program Tenggol Beach and Underwater Clean Up di Pulau Tenggol, kelmarin.

Turut hadir pada program disertai lebih 100 sukarelawan termasuk badan bukan kerajaan (NGO) itu, Pengarah Majlis Pengurusan Taman Negeri Terengganu (MPTNT) Tengku Mohd Ariffin Tengku A Rahman.

Tengku Farok Hussin berkata selain perairan Pulau Tenggol, kerajaan negeri juga sedang dalam proses mewartakan beberapa lokasi lain.